

BERITA HARIAN

DATE: 15/10/2007

Dr Mahathir beraya di IJN

KUALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad yang menyambut Aidilfitri di Institut Jantung Negara (IJN) kerana masih menerima rawatan dan pemulihan, ceria meraikan lebaran bersama isteri, anak dan cucunya, kelmarin.

Walaupun tidak mengadakan rumah terbuka seperti biasa, bekas Perdana Menteri itu dan isterinya Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta ahli keluarga mereka mengadakan jamuan kecil untuk semua warga kerja IJN dan pesakit lain antara jam 10 pagi dan 2 petang.

Anak Dr Mahathir, Datuk Mokhzani berkata bapanya yang semakin stabil begitu ceria menyambut Aidilfitri bersama ahli keluarga dan berselera menikmati juadah raya seperti soto dan laksa Johor.

"Alhamdulillah, pada kali ini Tun dapat beraya bersama anak-anak dan ahli keluarga. Seperti tahun sebelumnya, kami dapat bersalam-salaman dan beraya bersama ayah, memohon kemaafan.

"Keadaan beliau bertenaga biarpun sudah dua kali menjalani pembedahan serius," katanya ketika ditemui pemberita.

Mokhzani turut melahirkan rasa syukur kerana dapat menyambut hari raya bersama bapanya pada tahun ini walaupun di IJN.